

# Mayat bayi dalam plastik sampah

Harian metro

16/05/2010 M/S 14

**K**LANG: Menyayat hati apabila mayat bayi yang dibalut dengan tuala berwarna putih ditemui dalam beg plastik sampah hitam, dibuang di sebuah stesen minyak, berhampiran pusat beli-belah, di Bukit Tinggi, di sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 6.30 pagi, mayat bayi dipercayai baru dilahirkan dalam tempoh 24 jam dengan keadaan tali pusatnya masih berdarah ditemui seorang pekerja stesen minyak terbabit sebelum memaklumkan kepada penyeliannya.

Seorang pekerja stesen minyak warga Bangladesh, Kazol Izuddin, 40, berkata mayat bayi itu ditemui rakanannya, warga Nepal yang bekerja shift malam ketika hendak membuang sampah sebelum menemui satu bungkusan aneh.

"Dia curiga ketika mengangkat satu plastik berwarna hitam yang diletakkan di atas rumput berhampiran surau dan cuba membukanya.

"Sebaik beg sampah itu dibuka, dia melihat mayat seorang bayi lelaki dibalut dengan kain tuala putih yang masih berdarah," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Kazol yang sudah tiga tahun bekerja di pam minyak itu mendakwa kejadian membuang bayi di pam minyak itu adalah pertama dan menyifatkan ia amat menakutkan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Klang, Asisten Komisioner Mohamad Mat Yusop, berkata pihaknya menerima maklumat berhubung kejadian itu jam 7 pagi

**PERIKSA...anggota polis memeriksa mayat bayi yang ditemui dibuang semalam.**

dan sepasukan polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang dan dari Unit Forensik dikejarkan ke tempat kejadian untuk siasatan.

"Mayat bayi lelaki ini berkulit cerah, bangsa tidak pasti dan dipercayai baru dilahirkan dalam tempoh 24 jam sebelum dibuang.

"Berdasarkan keadaan tali pusat yang masih berdarah, bayi ini sudah meninggal sebelum dibuang kerana mangsa sudah dibersihkan ketika ditemui," katanya di sini, semalam.

Menurutnya, pemeriksaan ke atas bayi malang ini tidak

menemui sebarang kecederaan lain, manakala di tempat kejadian tiada rakaman litar tertutup (CCTV) sekaligus menyukarkan kita mengesan suspek.

"Kes ini disiasat mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksamaan dan polis meminta orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kejadian ini supaya berhubung dengan balai polis berdekatan bagi membantu siasatan," katanya.

Mayat bayi itu dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) untuk di bedah siasat.

